

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 14  
RUANGAN : NASIONAL

14

Nasional

Selasa, 2 Mei 2023



Dr Zaliha (kanan) beramah mesra dengan orang ramai yang mendapatkan rawatan ketika mengadakan lawatan di Hospital Tuanku Fauziah, Kangar, semalam. (Foto Aizat Sharif/BH)

## Usah keluar rumah elak strok haba

Orang ramai terutama kanak-kanak dinasihat jaga kesihatan

Oleh Aizat Sharif  
bhnews@bh.com.my

**Kangar:** Orang ramai, khususnya kanak-kanak dan golongan berisiko dinasihatkan supaya tidak keluar rumah ketika cuaca panas ketika ini bagi mengelakkan mereka mengalami serangan strok haba.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, berkata kes serangan strok haba di seluruh negara ketika ini masih terkawal, namun orang ramai perlu menjaga kesihatan dan tidak keluar rumah jika tiada keperluan.

"Memang kita ada dengar kes strok haba beberapa hari lalu, membabitkan kanak-kanak 11 tahun dan 19 bulan, namun kes ini

masih terkawal.

"Namun, kita nasihatkan orang ramai khususnya kanak-kanak dan golongan dewasa yang berisiko supaya menjaga kesihatan dan tidak keluar rumah jika tiada keperluan.

"Kementerian memantau perkembangan perkara ini setiap hari," katanya selepas mengadakan lawatan di Hospital Tuanku Fauziah (HTF), di sini, semalam.

Media sebelum ini melaporkan mengenai kejadian seorang kanak-kanak lelaki berusia 11 tahun yang maut dipercayai mengalami serangan strok haba di Kampung Perupok, Bachok, Kelantan.

Selain itu, satu lagi kes turut dilaporkan berlaku di Kampung Kota, Kelantan, membabitkan seorang kanak-kanak berusia 19 bulan yang maut, dipercayai akibat strok haba.

### Penularan COVID-19

Mengenai peningkatan kes COVID-19, Dr Zaliha menggalakkan murid yang akan memulakan sesi persekolahan esok supaya mengamalkan pemakaian pelitup muka bagi mengekang jangkitan

virus itu.

"Sekiranya murid bergejala, kita minta ibu bapa untuk memantau perkembangan anak mereka. Jika tidak perlu hadir ke sekolah selepas berjumpa doktor, maka tindakan (tidak pergi ke sekolah) itu haruslah diambil," katanya.

Mengulas mengenai lawatannya di HTF beliau berkata, KKM melihat potensi bagi melaksanakan lanjutan masa operasi di Klinik Kesihatan Kangar, yang dilihat mampu membantu melengkapkan perkhidmatan di hospital itu.

"Kita harapkan dengan lanjutan masa operasi ini, ia dapat mengurangkan beban kesesakan di HTF, serta mempercepatkan beberapa proses lain," katanya.

Terdahulu, Dr Zaliha turut mengadakan lawatan ke Klinik Kesihatan Kangar dan meninjau perkembangan pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 3) Padang Besar.

Yang hadir sama, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan dan Pengarah Kesihatan Perlis, Dr Ismuni Bohari.

## Syor pelajar laksana ujian sendiri COVID-19 cegah penularan

**Kuala Lumpur:** Ujian sendiri COVID-19 disifatkan wajar dilakukan oleh murid sebagai usaha mencegah jangkitan virus.

Presiden Persatuan Ibu Bapa Guru Nasional (PIBGN), Prof Madya Datuk Mohamad Ali Hassan, berkata tindakan itu juga dianggap sebagai satu amalan baik kesihatan untuk memastikan individu terus mapan sihat, dijauhi penyakit serta mengawal kekebalan kesihatan masing-masing.

Katanya, sebagai langkah awal bagi memberi keyakinan kepada orang ramai juga, Kementerian Pendidikan (KPM) boleh bekalkan kit ujian sendiri percuma khususnya kepada warga pendidikan pada minggu pertama persekolahan.

"Selain itu, tindakan wajar seterusnya dilakukan ialah membuat ujian sendiri secara berkala bergantung kepada intensiti merebaknya COVID-19.

"Pengawalan harga dan piawaian ujian kit juga boleh dilaksanakan secara berkala oleh Kementerian Kesihatan (KKM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

"Penggunaan pelitup muka dan garis panduan juga perlu dilaksanakan kembali sebagai mengekang virus daripada merebak tanpa disedari," katanya kepada BH, semalam.

Terdahulu, BH melaporkan KKM akan mengesyorkan pemakaian pelitup muka dilaksanakan semula di semua sekolah berikutan keseimbangan peningkatan kembali kes COVID-19, selain penularan varian baharu dikenali sebagai XBB.1.16 atau Arcturus.

Dilaporkan, Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, akan mengadakan pertemuan segera dengan Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek, bagi membincangkan

perkara itu untuk mengekang penularan COVID-19 di sekolah.

Mohamad Ali berkata, tindakan itu penting kerana ia boleh memencampur sistem penjagaan kesihatan negara sekiranya kemudahan katil hospital semakin kritikal.

"Justeru, ceramah 'Penjagaan Diri Mengelak atau Membantaras COVID-19' juga boleh terus dijalankan dengan lebih giat.

"Amalan pencegahan COVID-19 juga perlu dijadikan sebagai budaya harian sepanjang masa dari rumah ke sekolah atau tempat kerja dan sebaliknya," katanya.



Mohamad Ali Hassan

### Laksana langkah pencegahan

Di Johor Bahru, ibu bapa di sekitar bandar raya ini akan mula memakainya pelitup muka kepada anak mereka yang kembali ke sekolah selepas cuti Aidilfitri, hari ini.

Beberapa ibu bapa memaklumkan, ia sebagai langkah berjajaga susulan peningkatan semula kes COVID-19 kebelakangan ini.

Nor Azura Mohd Amin, 36, akan memakainya pelitup muka kepada anaknya yang belajar dalam Tahun Satu.

"Pada cuti Aidilfitri kali ini ramai tetamu yang datang berkunjung ada simptom tidak sihat dipercayai akibat cuaca panas melampau.

"Saya sudah siap membeli pelitup muka bagi anak kembali ke sekolah," katanya ketika dihubungi.

Mohd Faris Yan, 35, juga akur dengan syor KKM yang menggalakkan pemakaian pelitup muka kepada pelajar.

"Kena beli pelitup muka baharu buat dua anak yang belajar di Tahun Satu dan Dua kerana macam sudah tidak banyak pelitup muka dijual di pasaran," katanya.

AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 5  
RUANGAN : NEGARA

Kosmo! SELASA 2 MEI 2023

Negara!

5

Elak aktiviti luar rumah, jaga kesihatan ketika cuaca panas

# Masalah strok haba masih terkawal

Oleh ASYRAF MUHAMMAD

**KANGAR** – Kementerian Kesihatan meminta orang ramai supaya tidak melakukan aktiviti luar rumah sekiranya tiada sebarang keperluan bagi mengelakkan daripada terkena serangan strok haba.

Menterinya, Dr. Zaliha Mustafa berkata, kanak-kanak dan golongan dewasa yang berisiko dengan serangan strok haba juga disaran agar menjaga kesihatan sepanjang musim cuaca panas ini.

Katanya, buat masa ini, kes membabitkan serangan strok haba di seluruh negara masih terkawal dan dipantau perkembangannya setiap hari.

"Memang kita ada dengar kes heat stroke (strok haba) beberapa hari lepas yang melibatkan kanak-kanak 11 tahun dan 19 bulan.

"Tapi setakat ini ia masih terkawal dan kita hanya nasihatkan orang ramai untuk elak keluar rumah sekiranya tiada



**ORANG** ramai dinasihat tidak keluar rumah jika tiada keperluan mendesak ekoran cuaca panas ketika ini. – GAMBAR HIASAN

keperluan," katanya selepas mengadakan lawatan di Hospital

Tuanku Fauziah di sini semalam. Sebelum ini Kosmo! melapor-



**KERATAN Kosmo! 29 April 2023.**

kan mengenai seorang kanak-kanak lelaki berusia 11 tahun yang maut dipercayai akibat serangan strok haba dalam kejadian di Kampung Perupok, Bachok, Kelantan pada Selasa.

Satu lagi kes turut dilaporkan di Kampung Kota, Kelantan membabitkan seorang kanak-kanak berusia 19 bulan yang maut dipercayai sebab yang sama.

Dalam pada itu, Zaliha berkata, pihaknya menggalakkan murid-murid yang akan memulakan sesi persekolahan agar dapat mengamalkan pemakaian pelitup muka bagi mengelak jangkitan Covid-19.

"Kita menggalakkan dan bukannya mewajibkan (pemakaian pelitup muka) supaya anak-anak di sekolah dapat mengelak jangkitan khususnya bagi mereka yang bergejala.

"Sekiranya bergejala, kita minta ibu bapa memantau dan kalau terlalu teruk, dinasihatkan supaya murid memakai pelitup muka," katanya.

AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 16  
RUANGAN : NEGARA

Kosmo! SELASA 2 MEI 2023



INI ubat batuk dari India yang dilaporkan tercemar.

## Ubat batuk tercemar tidak berdaftar di Malaysia

**PUTRAJAYA** – Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesahkan sirap ubat batuk dilaporkan tercemar dari India sebagai produk tidak berdaftar di negara ini.

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr. Muhammad Radzi Abu Hassan berkata, semakan itu berdasarkan pangkalan data produk berdaftar Bahagian Regulatori Farmasi Negara.

"KKM mengambil maklum mengenai amaran yang dikeluarkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 25 April 2023 mengenai ubat itu.

"Laporan tersebut merujuk kepada Guaifenesin Syrup TG Syrup yang dikilangkan oleh firma QP Pharmachem Ltd. di

Punjab, India kerana dikesan sebagai sudah tercemar," katanya dalam satu kenyataan.

Katanya, pengambilan produk itu turut dibimbangi boleh memberi kesan sampingan seperti sakit pada bahagian abdomen, muntah, cirit-birit dan kesukaran buang air kecil.

"Pengguna juga berisiko untuk sakit kepala selain mengalami perubahan keadaan mental dan kecederaan yang teruk pada buah pinggang.

"Produk yang tercemar ini adalah tidak selamat untuk digunakan terutama dalam kalangan kanak-kanak kerana ia boleh mengakibatkan kesan yang serius atau kematian," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 22

RUANGAN : NASIONAL

## Lelaki berang ditegur merokok di kedai makan

**SHAH ALAM** - Perbuatan seorang lelaki yang berang ditegur seorang remaja lelaki ekoran didakwa merokok di sebuah kedai makan tular di media sosial sejak Ahad.

Seorang pengguna Twitter, bckupacc99 yang berkongsi video berdurasi 47 saat itu berkata, lelaki berbaju kemeja T berkolar tersebut naik angin apabila ditegur perbuatannya itu.

Ujarnya, lelaki yang sudah berumur berkenaan mendatanginya di meja makan sebelum dia dimarahi selain turut mempersoalkan tindakan menegurnya.

"Awak ni pegawai apa? Pekerja kat kedai ni pun tak berani nak tegur sayalah," kata lelaki tersebut sebelum berlaku pertikaman lidah antara kedua-duanya.

Pertengkaran itu kemudiannya dileraikan seorang lagi individu di lokasi kejadian bagi mengelakkan kejadian yang lebih buruk berlaku.

Kata remaja terbabit, dia membuat teguran itu kerana tidak mahu membahayakan kesihatan orang sekeliling kerana kemungkinan ada bayi di dalam restoran berkenaan.

Video berkenaan tular di aplikasi Twitter sehingga mendapat lebih 814,000 tontonan, 8,435 ulang ciap dan 11,300 tanda suka.

Malah, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menerusi satu ciapan di Twitternya berkata, pihaknya mengambil maklum akan kejadian itu dan berterima kasih atas keprihatinan yang ditunjukkan remaja tersebut.

AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 23  
RUANGAN : NASIONAL

## Sirap batuk tidak didaftar, orang ramai wajar hentikan penggunaan

**SHAH ALAM** - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesahkan sirap batuk Guaifenesin Syrup TG Syrup yang dikilangkan oleh QP Wharmachem Ltd (Punjab, India) tidak didaftarkan di Malaysia.

Justeru, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan menasihati orang ramai yang berkemungkinan mengambil produk berkenaan menghentikan penggunaan se-

gera dan dapatkan nasihat daripada ahli profesional kesihatan.

"Semakan ke atas pangkalan data produk berdaftar Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPPRA) mendapati produk tersebut tidak selamat digunakan terutama dalam kalangan kanak-kanak kerana ia boleh menyebabkan kesan serius atau kematian.

"Meskipun produk ini tidak berdaftar di Malaysia, KKM ingin mengambil ke-

sempatan untuk menasihati orang awam yang berkemungkinan menggunakan atau mengetahui sesiapa yang sedang mengambil produk ini untuk segera menghentikan penggunaannya dan dapatkan nasihat ahli profesional kesihatan sekiranya mengalami kesan sampingan atau kesan adwers," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Sebelum ini media melaporkan, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengeluarkan amaran mengenai sirap ubat batuk Guaifenesin TG dari Kepulauan Marshall buatan India itu mengandungi jumlah *diethylene glykol* dan *ethylene glykol* yang tidak boleh diterima.

Amaran terbaharu daripada badan kesihatan global itu dibuat beberapa bulan selepas WHO mengaitkan sirap ubat batuk jenama lain yang dikeluarkan di India dengan kematian kanak-kanak di Gambia dan Uzbekistan.

Dalam pada itu, Muhammad Radzi



MUHAMMAD  
RADZI

menjelaskan, pengambilan produk sirap ubat batuk yang tercemar dengan *diethylene glycol* (DEG) dan *ethylene glycol* (EG) adalah toksik kepada manusia yang boleh memberikan beberapa kesan sampingan.

Antaranya termasuklah sakit pada bahagian abdomen, muntah, cirit-birit, kesukaran untuk membuang air kecil, sakit kepala, perubahan pada keadaan mental dan kecederaan

teruk pada buah pinggang. "KKM menjalankan pemantauan secara berterusan bagi memastikan kualiti, keselamatan dan keberkesanan ubat-ubatan terjamin," katanya.

Orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat berhubung penjualan produk tidak berdaftar di pasaran boleh salurkan aduan melalui portal Sistem Pengurusan Aduan Agensi Awam (SisPAA) di <http://moh.spab.gov.my> atau hubungi talian **03-7841 3200** untuk tindakan susulan.



Sirap batuk  
Guaifenesin Syrup  
TG Syrup.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 26

RUANGAN : NEGERI

## Covid-19: Kedah catat peningkatan 76 peratus kes

**ALOR SETAR** - Sebanyak 281 kes Covid-19 dicatatkan di Kedah bagi tempoh 23 hingga 29 April lalu, iaitu peningkatan sebanyak lebih 76 peratus berbanding minggu sebelumnya.

Exco Kesihatan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Dr Mohd Hayati Othman berkata, majoriti kes dilaporkan adalah melalui saringan bergejala iaitu sebanyak 71.9 peratus.



MOHD HAYATI

Katanya, kebanyakan kes bagaimanapun hanya bergejala ringan dan tidak memerlukan rawatan di hospital.

"Pada minggu sama, peratus harian pengisian katil biasa dan rawatan rapi yang diperuntukkan untuk kes Covid-19 di negeri ini berada di bawah paras 25 peratus," katanya dalam kenyataan di sini pada Isnin.

Menurutnya, secara keseluruhan sejak permulaan Covid-19, Kedah telah mencatatkan sejumlah 319,742 kes.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 1,065 kes dikategorikan sebagai varian membimbangkan (VOC) dan varian berkepentingan (VOI) dan ketika ini juga, Omicron kekal sebagai satu-satunya varian yang sedang menular," katanya.

Menurutnya, setakat ini belum ada satu pun kes melibatkan subvarian baharu Covid-19, Arcturus dilaporkan di Kedah.

"Ketika ini kapasiti perkhidmatan kesihatan di klinik kesihatan dan hospital masih lagi terkawal serta tidak berada pada tahap membebankan.

"Namun berdasarkan peningkatan kes semasa, Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Kedah telah mengarahkan semua pejabat kesihatan daerah, hospital dan klinik seluruh negeri meningkatkan kesiapsiagaan serta pengawasan terhadap semua pesakit yang sedang mendapatkan rawatan," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 8  
RUANGAN : DALAM NEGERI

## Covid-19 di Melaka turun

**MELAKA:** Melaka mencatatkan 381 kes baharu Covid-19 pada Minggu Epidemiologi 16 (ME16) iaitu bermula dari 16 sehingga 22 April lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan negeri, Ngwe Hee Sem berkata, angka itu menunjukkan penurunan sebanyak 30.1 peratus berbanding 552 kes yang didaftarkan pada minggu sebelumnya.

Beliau berkata, ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif Covid-19 di Melaka berjumlah 147,537 kes dengan purata kes bagi tujuh hari pada ME16 adalah 54 kes.

"Jumlah kes sembuh ialah 145,605 kes iaitu 98.7 peratus. Tiada kes yang sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU). Terdapat satu kes kematian baru dilaporkan minggu ini menjadikan jumlah kes kematian adalah sebanyak 1,206 kes (0.8 peratus).

"Sehingga ME16, keseluruhan kes Covid-19 yang dikategorikan sebagai Variant of Concern (VOC) dan Variant of Interest (VOI) yang dipantau di Melaka adalah sebanyak 1,119 kes.

"Terdapat empat kluster aktif sektor pendidikan iaitu Kluster Jalan Selandar, Kluster Jalan Sempang 20 Jasin 2, Kluster Lorong Bukit Piatu 15 2 dan Kluster Jalan Dato Harun 3," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Jelasnya, Kluster Jalan Selandar melibatkan Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI) yang menular dalam kalangan pelajar manakala Kluster Jalan Sempang 20 Jasin 2 melibatkan pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Tun Ghaffar Baba manakala Kluster Lorong Bukit Piatu 15 2 membabitkan pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Teknik Melaka dan Kluster Jalan Dato Harun melibatkan pelajar MRSM Terendak.

Katanya, punca jangkitan dipercayai daripada komuniti, kemudian merebak kepada pelajar.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 30  
RUANGAN : DALAM NEGERI

# Covid-19 di Kedah meningkat 76.7 peratus

Oleh **MOHD. RAFIE AZIMI**  
utusannews@mediamula.com.my

**ALOR SETAR:** Sebanyak 281 kes Covid-19 dicatatkan di negeri ini antara 23 hingga 29 April lalu iaitu menyaksikan peningkatan sebanyak 76.7 peratus berbanding minggu sebelumnya.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Dr. Mohd. Hayati Othman berkata, majoriti kes dilaporkan adalah melalui saringan bergejala iaitu berjumlah 71.9 peratus.

Katanya, kebanyakan kes bagaimanapun hanya bergejala

ringan dan tidak memerlukan rawatan di hospital.

"Pada minggu sama, peratus harian pengisian katil biasa dan rawatan rapi yang diperuntukkan untuk kes-kes Covid-19 di negeri ini berada di bawah paras 25 peratus.

"Secara keseluruhannya sejak permulaan Covid-19, Kedah mencatatkan sejumlah 319,742 kes. Daripada jumlah itu, sebanyak 1,065 kes dikategorikan sebagai varian membimbangkan (VOC) dan varian berkepentingan (VOI).

"Ketika ini, Omicron kekal sebagai satu-satunya varian

yang sedang menular," katanya dalam kenyataan di sini.

Tambahnya, setakat ini tiada kes melibatkan sub-varian baharu Covid-19 iaitu Arcturus dilaporkan di Kedah.

"Ketika ini kapasiti perkhidmatan kesihatan di klinik kesihatan dan hospital masih lagi terkawal serta tidak berada pada tahap membebankan.

"Namun berdasarkan peningkatan kes semasa, Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Kedah mengarahkan semua pejabat kesihatan daerah, hospital dan klinik meningkatkan kesiapsiagaan serta pengawasan terha-

dap semua pesakit yang mendapatkan rawatan," katanya.

Menurutnya, kempen bagi meningkatkan semula kesedaran orang ramai terhadap ancaman Covid-19 dibuat melalui pelbagai medium utama dan masyarakat diingatkan agar sentiasa mengambil langkah pencegahan penularan Covid-19.

"JKN Kedah akan terus memantau perkembangan situasi pandemik Covid-19 dalam dan luar negara dari semasa ke semasa bagi melaksanakan langkah-langkah pencegahan serta kawalan sewajarnya," katanya.



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 31  
RUANGAN : DALAM NEGERI



ZALIHA Mustafa (tiga dari kiri) turun padang meninjau keadaan di Hospital Tuanku Fauziah (HTF), Kangar, Perlis. - UTUSAN/ASYRAF MUHAMMAD

## Risiko strok haba: Elak lakukan aktiviti luar

**KANGAR:** Kementerian Kesihatan menasihati orang ramai agar tidak melakukan aktiviti luar rumah sekiranya tiada sebarang keperluan bagi mengelakkan serangan strok haba.

Berikutan itu, kanak-kanak dan golongan dewasa yang berisiko dengan serangan strok haba juga disaran agar dapat menjaga kesihatan dengan sebaiknya sepanjang musim cuaca panas ini.

Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa berkata, buat masa ini, kes membabitkan serangan strok haba di seluruh negara masih terkawal dan Kementerian sentiasa memantau perkembangannya setiap hari.

"Memang kita ada dengar kes

*heat stroke* beberapa hari lepas yang melibatkan kanak-kanak 11 tahun dan 19 bulan.

"Tapi setakat ini, ia masih terkawal dan kita hanya nasihatkan orang ramai untuk elak keluar rumah sekiranya tiada keperluan," katanya selepas mengadakan lawatan di Hospital Tuanku Fauziah (HTF) di sini.

Hadir sama sewaktu lawatan berkenaan adalah Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Muhammad Radzi Abu Hassan dan Pengarah Kesihatan negeri, Dr. Ismuni Bohari.

*Utusan Malaysia* sebelum ini melaporkan mengenai seorang kanak-kanak lelaki berusia 11 tahun yang maut dipercayai akibat serangan strok haba dalam

kejadian di Kampung Perupok, Bachok, Kelantan.

Satu lagi kes turut dilaporkan di Kampung Kota, Kelantan membabitkan seorang kanak-kanak berusia 19 bulan yang maut dipercayai akibat strok haba.

Mengulas mengenai perkembangan Covid-19, Dr. Zaliha berkata, murid-murid yang akan memulakan sesi persekolahan digalakkan mengamalkan pemakaian pelitup muka bagi mengelakkan jangkitan virus berkenaan.

"Kita menggalakkan dan bukannya mewajibkan (pemakaian pelitup muka) supaya anak-anak di sekolah dapat mengelakkan jangkitan khususnya bagi mereka yang bergejala," katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NEWS/NATION

## Kedah folk advised to stay indoors

**ALOR STAR:** Kedahans have been advised to take precaution during the Hari Raya Aidilfitri festivities as extreme unpredictable weather persists during the monsoon transition period.

State Health director Dr Othman Warijo said people should stay indoors during heatwaves and thunderstorms for their safety.

"No heatwave-induced health issues were recorded in the state during the festive season.

"However, people are advised to plan their festive activities and avoid going out during the hottest hours of the day, between 11am and 4pm.

"Also, during the monsoon transition period, thunderstorms and heavy rain are expected to occur in the evening.

"Please stay indoors during storms to avoid getting struck by lightning," he told the *New Straits Times*.

On April 28, the Health Ministry issued a directive to education authorities prohibiting children's outdoor activities in areas where the Air Pollution Index exceeded 100.

It also advised students to stay hydrated to regulate their body temperature.

The directive was issued after the deaths of two children in Kelantan from heat-related health issues on Tuesday.

Dr Othman advised the public to remain hydrated during hot spells and to comply with evacuation warnings during thunderstorms.

"During days of high temperatures, use air conditioning or fans while indoors. If you have to be outside, limit sun exposure and use sun protection.

"Seek immediate medical attention if you experience symptoms of heat-related illnesses.

"During thunderstorms, switch off electrical equipment and avoid taking shelter under trees, huts, food stalls, tents, sheds and small structures."

Kedah Meteorological Department director Muhammad Khalil Abd Aziz said the monsoon transition period since April 27 had caused temperatures in Kubang Pasu, Kota Star and Pendang districts to reach an average of 37°C.

He said the combination of weak winds and high temperatures was also expected to increase the likelihood of thunderstorms and heavy rain.

"For today (yesterday), we are predicting that temperatures would be at a maximum of 35°C in the peninsula.

"There is also an increased possibility of thunderstorms with heavy rain and strong winds, especially on the west coast of the peninsula in the evenings until morning," he added.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NATION

THE STAR, TUESDAY 2 MAY 2023

Nation 3

## Health DG: Contaminated cough syrup not registered in M'sia

**KUALA LUMPUR:** A cough syrup product, Guaifenesin Syrup TG Syrup, manufactured by QP Pharmachem Ltd (Punjab, India), is not registered in Malaysia, says Health director-general Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan.

He said this is based on checks on the National Pharmaceutical Regulatory Agency's registered product database.

"Consuming cough syrup products that are contaminated with unacceptable

amounts of diethylene glycol and ethylene glycol is toxic to humans, which can cause side effects such as abdominal pain, vomiting, diarrhoea, inability to pass urine, headaches, altered mental state and acute kidney injury.

"This contaminated product is unsafe, and its use, especially in children, may result in serious effects or death," he said in a statement as reported by Bernama.

On April 25, the World Health Organi-

sation issued an alert about a contaminated cough syrup product, Guaifenesin Syrup TG Syrup, which contains unacceptable amounts of diethylene glycol and ethylene glycol.

He advised those who may be taking the product to immediately stop consuming it and seek medical attention if they experience any side effects.

Members of the public who have any information regarding the sale of unregis-

tered products in the market can file a complaint through the Public Complaint Management System portal at <http://moh.spab.gov.my>, lodge a report at the nearest Pharmacy Enforcement Branch office, or contact 03-7841 3200 to enable appropriate action to be taken by the ministry.

"The public is also encouraged to file a complaint if there is any doubt about the quality and safety of the product used," Dr Muhammad Radzi said.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

## Tainted cough syrup not registered in Malaysia

**KUALA LUMPUR:** A cough product, Guaifenesin Syrup TG Syrup, manufactured by QP Pharmachem Ltd (Punjab, India), is not registered in Malaysia, said Health Director-General Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan.

This was based on checks on the National Pharmaceutical Regulatory Agency's registered product database, he said.

"Cough syrup products that are contaminated with unacceptable amounts of diethylene glycol and ethylene glycol are toxic to humans. They can cause side effects such as abdominal pain, vomiting, diarrhoea, inability to pass urine, headache, altered mental state, and acute kidney injury.

"This contaminated product is unsafe and its use, especially in children, may result in serious effects or death," he said in a statement yesterday.

On April 25, the World Health Organisation issued an alert about a contaminated cough syrup product, Guaifenesin Syrup TG Syrup, which was detected to contain unacceptable amounts of diethylene glycol and ethylene glycol.

Muhammad Radzi also advised those who are taking the product to immediately stop consuming it and seek medical attention if they experience any side effects. - Bernama